

Keengganan Pas, Keadilan memang dijangka: MB

BH 5 NOV 2002

SABAK BERNAM, Isnin – Penolakan Pas dan Parti Keadilan Nasional terhadap pelawaan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyertai BN memang sudah dijangka berikutan perbezaan konsep parti terbabit.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata BN mengamalkan konsep berkongsi kuasa, manakala pembangkang berkonsepkan siapa banyak berkuasa.

“Konsep yang berbeza itu tidak memungkinkan mereka setuju. Bagaimanapun, BN sekarang ini dalam keadaan kuat dan tidak mempunyai banyak masalah.

“Tujuan Dr Mahathir mempelawa pembangkang menyertai BN bagi menguatkan kepemimpinan negara untuk menghadapi ancaman musuh luar secara bersama di samping membangunkan negara,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Sumbangan Wang Program Agama Bulan Ramadan kepada masjid dan surau di daerah ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Negeri Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Zainal Dahalan, Adun Kawasan Sungai Air Tawar, Mat Yasir Ikhsan dan Pega-

wai Agama Daerah Sabak Bernam, Hanifuddin Roslan selain nazir serta amil masjid dan surau.

Mohamad Khir berkata, bagaimanapun, tidak mustahil ada pengikut Pas dan Keadilan menyertai UMNO secara senyap pada masa akan datang kerana yakin dengan keikhlasan Dr Mahathir mempelawa mereka menyertai BN.

Terdahulu ketika berucap, beliau berkata, nazir dan amil masjid serta surau perlu berada di masjid bagi memudahkan ahli kariah membayar zakat fitrah.

“Apabila pungutan zakat dapat dilakukan dengan baik, maka wang agihan zakat untuk setiap fakir miskin itu dapat diserahkan lebih awal untuk kegunaan pada Aidilfitri.

“Pihak nazir dan amil yang dilantik perlu berpakat supaya matlamat pengagihan wang zakat mencapai matlamatnya,” katanya yang turut menggesa semua ahli jawatankuasa masjid tidak menjadikan masjid dan surau sebagai tempat berkempen atau menyebarkan fahaman politik ketika Ramadan ini.

Katanya, semua pihak harus menerima arahan itu serta tidak menimbulkan masalah sepanjang bulan itu.